



## KENYATAAN MEDIA

### INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA

#### KEMPEN BULAN KESEDARAN KESELAMATAN PENUMPANG KANAK-KANAK LANGKAH PROAKTIF MIROS TINGKATKAN KESEDARAN PENGGUNAAN KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK

---

**KAJANG, 16 NOVEMBER 2021** – Hari Kanak-Kanak Sedunia yang disambut pada 20 November setiap tahun menjadi aspirasi MIROS dalam usaha untuk menyokong, mempromosikan dan meraikan hak kanak-kanak agar dapat membesar dalam persekitaran yang lebih baik dan sempurna. Bersesuaian dengan kebenaran rentas negeri dan pembukaan semula sekolah, MIROS mengambil inisiatif untuk melancarkan **Kempen Bulan Kesedaran Keselamatan Penumpang Kanak-kanak pada 20 November 2021** bersempena dengan Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia di IOI City Mall Putrajaya. Kempen kesedaran yang akan berlangsung sepanjang bulan November ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada orang awam agar sentiasa peka dan patuh kepada peraturan jalan raya, khususnya berhubung penggunaan kerusi keselamatan bagi kanak-kanak.

Program pemeriksaan kerusi keselamatan kanak-kanak (CRS) akan turut diadakan pada majlis pelancaran tersebut yang merupakan sebahagian daripada aktiviti kempen, di mana ibu bapa berpeluang untuk mendapatkan konsultasi, nasihat dan penerangan dengan lebih jelas daripada *Child Occupant Safety Instructor* (COSI) yang terlatih berkenaan tatacara pemasangan kerusi keselamatan kanak-kanak yang betul pada kenderaan masing-masing.

Statistik pada tahun 2019 menunjukkan bahawa golongan kanak-kanak menyumbang kepada 19 peratus kadar kemalangan jalan raya. Daripada jumlah ini, sebanyak 1,276 kes adalah melibatkan kematian. Oleh itu, penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak yang dipasang dengan betul dan sesuai dengan ketinggian serta berat badan kanak-kanak dapat membantu mengurangkan risiko kematian kepada penumpang kanak-kanak (0 – 4 tahun) di antara 54 sehingga 71 peratus.

Antara aktiviti dan program lain yang telah dirancang sepanjang kempen ini berlangsung ialah program *Malaysian Child Occupant Safety Training Program* (MyCOSTP) untuk tahap 1: *Child Occupant Safety Advisor* (COSA). Program ini terbuka kepada orang awam yang ingin belajar dan mendapatkan maklumat tentang pemilihan kerusi keselamatan kanak-kanak yang sesuai serta menepati piawaian antarabangsa



iaitu Peraturan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Regulations*) nombor 44 dan 129. Selain itu, suatu mesyuarat bersama pihak berkepentingan seperti JPJ dan PDRM turut diadakan bagi membincangkan strategi untuk meningkatkan lagi penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak di Malaysia.

Seiring dengan saranan Tan Sri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2020 berhubung Kempen Pemakaian Tali Pinggang Keledar Semasa Menaiki Kenderaan Milik Kerajaan dalam Kalangan Pegawai-pegawai Kerajaan agar semua penjawat awam, sama ada ibu bapa atau penjaga menggunakan kerusi keselamatan kanak-kanak, empat video Pesanan Khidmat Masyarakat (PSA) akan ditayangkan di bangunan-bangunan Jabatan Kerajaan di seluruh Malaysia di sepanjang bulan November ini. Video PSA tersebut turut menampilkan YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia sebagai penampilan istimewa yang diharapkan dapat memberikan impak positif kepada penonton di samping memupuk kesedaran berkenaan kepentingan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak di kalangan pegawai-pegawai kerajaan.

Menurut PPj. Kehormat (PA) Ir. Ts. Dr. Khairil Anwar bin Abu Kassim, Ketua Pengarah MIROS, bulan kesedaran ini diharapkan dapat memantapkan lagi prosedur sedia ada agar dapat memperluaskan lagi promosi dan kesedaran kepada orang awam untuk menitikberatkan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak di dalam kenderaan. Pelbagai usaha akan dilakukan bersama pihak kerajaan dan swasta untuk memastikan ibu bapa dapat memiliki kerusi keselamatan yang menepati piawaian pada harga yang mampu milik. "Ibu bapa harus lebih bertanggungjawab ke atas keselamatan diri dan anak-anak dengan memastikan setiap penumpang yang berada di dalam kenderaan memakai tali pinggang keledar dan kerusi keselamatan kanak-kanak supaya risiko kecederaan dan kematian dapat dikurangkan apabila sesuatu pelanggaran berlaku. Hanya dengan satu klik dapat menyelamatkan nyawa," tambahnya.

## TAMAT

Dikeluarkan oleh:


Unit Korporat dan Pengurusan Ilmu  
Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)  
Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, Selangor  
T: 03-8924 9200 | E: [inquiry@miros.gov.my](mailto:inquiry@miros.gov.my)





# CHILD OCCUPANT SAFETY AWARENESS MONTH

16-20 NOV 2021



@mirosroadsafety